

# IMMACULATE CONCEPTION CHAPEL

Commercial Center, Block D,  
2<sup>nd</sup> Floor, Jalan Tuaran Bypass,  
Kota Kinabalu, Sabah



E-mel: chapel.ic.sabah@gmail.com

Tarikh: 15 Januari 2020

## RESPONS KEPADA NOTIS KEUSKUPAN AGUNG

### PER: Notis Keuskupan Agung Kota Kinabalu Bertarikh 31 Disember 2019

Merujuk kepada notis yang tersebut di atas, kami ingin memberi penjelasan seperti berikut:

#### 1) *Tentang Society of St. Pius X (SSPX):*

- a. SSPX telah ditubuhkan pada tahun 1970 di Fribourg, Switzerland dan telah diluluskan penubuhannya mengikut Undang-Undang Gereja Roman Katolik. Tujuan utamanya adalah untuk membentuk dan melahirkan para paderi yang suci. Juga disebabkan situasi pada waktu itu, SSPX telah membantah beberapa ajaran salah yang diperkenalkan semasa Konsili Vatican II serta mengingatkan umat Katolik bahawa doktrin Gereja Katolik yang telah diturunkan atau diwarisi daripada para rasul, yang dipanggil Tradisi, tidak boleh sesekali diubah. Kesan bantahan ini telah menyebabkan status kanonik SSPX telah disekat. Bagi melepaskan sekatan ini, SSPX perlu menerima ajaran yang terkandung dalam Vatican Konsili II.
- b. Para Uskup dan Paderi SSPX memberi semua Sakramen secara sah dan mengikut undang-undang Gereja:
  - Mereka adalah para paderi Roman Katolik yang telah ditahbis secara sah.
  - Mereka bukan *schismatic*, *heretic* dan bukan juga *sedevacantist* tetapi mengiktiraf kuasa Paus Fransiskus dan Uskup setempat, namun ada masanya enggan mematuhi mereka apabila mereka bertindak melampaui kuasa gerejawi mereka dan mereka menentang apa yang telah diajar secara konsisten oleh para Paus selama 20 abad.
  - Mereka merayakan Misa Tradisional Latin yang telah dikanonisasikan oleh Paus St. Pius V melalui Perlembagaan Apostoliknya [Quo Primum](#). Paus Benedict XVI telah mengumumkan pada tahun 2007 bahawa semua paderi Katolik berhak merayakan liturgi ini dalam [Motu Proprio Summorum Pontificum](#). Vatican menyatakan secara terbuka pada tahun 2003 bahawa umat Katolik memenuhi obligasi Hari Minggu mereka di chapel SSPX.
  - Mereka secara sah boleh mendengar Pengakuan (Paus Fransiskus telah mengumumkan pada tahun 2016 bahawa paderi SSPX memiliki kuasa secara rasmi untuk mendengar Pengakuan dalam suratnya [Letter Misericordia et Misere](#), fakulti ini telah dilanjutkan tanpa had).
  - Mereka melangsungkan Sakramen Perkahwinan secara sah dan mengikut undang-undang ([Pope Francis, SSPX dan mariages](#))Sila maklum bahawa para paderi SSPX dibenarkan secara sah untuk merayakan Misa Kudus di merata tempat termasuk di semua tempat kudus di Holy Land, di Basilika Santo Petrus di Roma serta tempat-tempat kudus di Lourdes dan Fatima. (<https://www.youtube.com/watch?v=-tIsKBC6czQ>).

#### 2) *Tentang Vatican Konsili II:*

Dokumen-dokumen Vatican Konsili II tidak mengajar apa-apa dogma dan tidak kebal salah (infallible) kerana Paus pada ketika itu tidak mahu menggunakan keistimewaan kekebalannya (infallibility). Jadi, adalah dibenarkan, sebagai umat Katolik untuk mempersoal dan membantah dokumen-dokumen tersebut. Sebenarnya, semakin ramai para kardinal, uskup, paderi dan teologian di seluruh dunia mula mempersoalkan kebenaran Konsili ini. Pembacaan buku [Catechism of the Crisis in the Church](#) adalah amat digalakkan.

#### 3) *Tentang Chapel SSPX di Kota Kinabalu:*

Oleh kerana kami belum menerima komunikasi rasmi daripada Keuskupan Agung Kota Kinabalu sebelum Notis tersebut dikeluarkan, kami telah menjemput semua umat Katolik untuk menemui (semula) dan menyelami keindahan Tradisi Gereja Katolik di chapel yang didedikasikan kepada Maria Dikandung Tanpa Noda (*Immaculate Conception*).

Untuk keterangan lanjut tentang SSPX, sejarah dan pelayanannya, sila rujuk **hanya** kepada laman rasmi seperti <https://fssps.org/en> dan laman Facebook kami [www.facebook.com/imankatolik](http://www.facebook.com/imankatolik), atau hubungi kami melalui e-mel rasmi [chapel.ic.sabah@gmail.com](mailto:chapel.ic.sabah@gmail.com).

Fr. Etienne Samuel Demornex,  
Paderi Society of St. Pius X